

ORIGINAL ARTICLE

**KEUNIKAN PARTIKEL ‘LAH’ DALAM TERJEMAHAN SURAH YASIN DI MALAYSIA****THE UNIQUENESS OF THE PARTICLE ‘LAH’ IN THE TRANSLATION OF SURAH YASIN IN MALAYSIA**

**Mohd Sufian Ismail ¹; Anida Sarudin ^{*2};
Azman Che Mat ³; Fitri Nurul'ain Nordin ⁴**

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
Email: piye_cs@yahoo.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
Email: anida@fbk.upsi.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia. Email: azman531@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Bahasa (APB) Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Malaysia.
Email: fitrinurulain@uitm.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/210>

Abstract

Malay is seen as a well-established and accurate language because various forms of translation of surah Yasin have been done which are written using Arabic. This study tries to analyze the uniqueness of the particle ‘lah’ in the translation of surah Yasin in Malaysia. The translation of surah Yasin involves data in the form of printed al-Quran, digital al-Quran, and a manuscript of surah Yasin which is read at the tahlil ceremony. This analysis is qualitative descriptive, that is, by examining the frequency of use of the particle ‘lah’ and describing it based on the findings of the analysis in the form of codes and themes. The frequency of the use of the particle 'lah' in the context of a sentence is described based on the science of balaghah. The frequency of use of the particle ‘lah’ in the translated text was analyzed using ATLAS.ti 22 software to construct specific codes (categories). Category construction is deductive, i.e. based on the suitability of the matches resulting from this analysis itself. The resulting categories were then evaluated by the co-authors separately to reduce the risk of bias. The findings show that the use of the particle 'lah' can be used as a marker to distinguish the Malaysian translation version (V1) from Indonesian (V2). Moreover, the original meaning of the particle ‘lah’, i.e. softening instructions and politeness markers does not play a role in the translation of surah Yasin. Nevertheless, there is an assertive meaning associated with the Arabic style. These findings indicate that there are several implicatures related to the feelings of a person’s heart shared between Arabic and Malay. This study is expected to fill

the current Malay language research across disciplines and provide benefits to researchers in the future.

Keywords: translation, surah Yasin, particle 'lah', ATLAS.ti 22, Al-Quran

Abstrak

Bahasa Melayu dilihat sebagai bahasa yang mantap dan tepat kerana terdapat kepelbagaian bentuk terjemahan surah Yasin telah dilakukan yang pada asasnya ditulis dengan menggunakan Bahasa Arab. Kajian ini cuba menganalisis keunikan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin di Malaysia. Terjemahan surah Yasin melibatkan data dalam bentuk al-Quran bercetak, al-Quran digital dan naskah surah Yasin yang dibaca pada majlis tahlil. Analisis ini berbentuk kualitatif deskriptif, iaitu dengan meneliti kekerapan penggunaan partikel 'lah' dan menghuraikannya berdasarkan dapatan analisis dalam bentuk kod dan tema. Kekerapan penggunaan partikel 'lah' dalam konteks ayat dihuraikan berdasarkan ilmu balaghah. Kekerapan penggunaan partikel 'lah' dalam teks terjemahan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 22 bagi membina kod (kategori) tertentu. Pembinaan kategori adalah berbentuk deduktif, iaitu berdasarkan kesesuaian padanan yang terhasil daripada analisis ini sendiri. Kategori yang terhasil seterusnya dinilai oleh penulis bersama secara berasingan bagi mengurangkan risiko bias. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan partikel 'lah' dapat dijadikan penanda bagi membezakan versi terjemahan Malaysia (V1) dengan Indonesia (V2). Selain itu, makna asal partikel 'lah', iaitu melembutkan arahan dan penanda kesantunan tidak memainkan peranan dalam terjemahan surah Yasin. Namun demikian, terdapat makna penegasan yang berkait dengan gaya bahasa Arab. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa implikatur yang berkait dengan perasaan hati seseorang dikongsi antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Kajian ini diharapkan dapat mengisi arus penyelidikan bahasa Melayu merentas disiplin dan memberi kebaikan kepada penyelidik pada masa hadapan.

Kata Kunci: terjemahan, surah Yasin, partikel 'lah', ATLAS.ti 22, Al-Quran

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 5th May 2022, revised 30th May 2022, accepted 25th June 2022

Pengenalan

Aktiviti terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu telah dipelopori seawal tahun 1917 oleh Muhammad Ma'adah bin Layang (Idris Mansor, 2019)¹. Usaha ilmuan Islam terdahulu telah berjaya menghasilkan beberapa terjemahan al-Quran pada peringkat awal, iaitu *Kamus Pelajaran Menterjemah Al-Quran* (1975), *Quran Bergantung Makna Jawi; Bagi Bacaan Anak-Anak Seharian* (1956), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran* (30) Juz (1970), *Al-Quran Al-Karim; Terjemahan dan Huraian Maksud* (1992) dan beberapa lagi terjemahan lain. Perkembangan pada hari ini menyaksikan terjemahan al-Quran yang dilengkapi dengan pelbagai ciri menarik telah banyak diterbitkan di Malaysia. Selain itu, terdapat beberapa surah al-Quran

yang diterbitkan secara khusus. Antaranya termasuklah surah Yasin. Amalan pembacaan surah Yasin di Malaysia juga mempengaruhi bilangan terjemahan surah Yasin yang diterbitkan dalam bentuk naskah kecil. Walaupun terjemahan surah Yasin tidaklah dibaca dalam majlis-majlis tersebut, namun terjemahan al-Quran dan naskah surah Yasin yang dilengkapi dengan terjemahan membolehkan masyarakat Malaysia membaca dan cuba memahaminya pada bila-bila masa.

Terjemahan surah Yasin ini juga turut menggambarkan kemampuan bahasa Melayu untuk menterjemahkan maklumat daripada bahasa lain. Bahasa Melayu yang bersifat dinamik membolehkan beberapa serapan makna dan kata berlaku daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Proses terjemahan ini semestinya melibatkan pertembungan antara budaya Arab dengan budaya Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap bahasa melambangkan budaya penutur masyarakat masing-masing (Newmark, 1988; Vinay & Darbelnet, 1995)^{2,3}. Dalam Idris Mansor (2021)⁴, kaedah penjelasan telah digunakan bagi menterjemah perkataan Arab yang melibatkan elemen budaya kepada bahasa Melayu. Salah satu unsur bahasa yang sering dikaitkan dengan budaya Melayu ialah partikel 'lah'. Mohammad Fadzeli Jaafar (2015)⁵, dalam kajiannya ada mengatakan bahawa partikel 'lah' merupakan identiti kepada pelbagai bangsa di Malaysia. Penggunaan partikel ini dalam terjemahan surah Yasin juga turut berlaku. Sama ada penggunaannya dalam terjemahan berlaku secara sengaja atau tidak, penggunaannya dalam ujaran masyarakat Malaysia telah dianggap sebagai kelaziman dan berlaku secara tidak sengaja (Mohammad Fadzeli Jaafar 2015).

Latar Belakang

Kajian berkaitan surah Yasin juga menarik minat sarjana untuk menelitinya. Antaranya termasuklah Aghajani & Jalali (2019)⁶ yang melihat perbezaan terjemahan surah Yasin dalam bahasa Parsi dengan bahasa Inggeris. Mulyawan (2011)⁷ pula telah menelitinya berdasarkan gaya stilistik. Sidek et al. (2020)⁸ dalam kajiannya telah menganalisis struktur teks surah Yasin bagi membina formula untuk menghafal surah tersebut. Terdapat juga beberapa sarjana yang mengkajinya berdasarkan ilmu balaghah, antaranya termasuklah Mohd. Zaki Abdul Rahman et al. (2019)⁹, Maulana (2019)¹⁰, Mulyawan (2011), Tika Fauziah (2020)¹¹, Wan Rohani Wan Mokhtar (2012)¹² dan banyak lagi pengkaji lain. Dalam bidang terjemahan pula, beberapa kajian yang melibatkan bahasa Melayu telah dijalankan. Antaranya termasuklah Nasimah Abdullah et al. (2017)¹³, Al-Farisi (2015)¹⁴, Azman Che Mat (2014, 2018)^{15,16}, Azman Che Mat et al. (2019)¹⁷, Baharudin (2017)¹⁸, Idris Mansor (2019), Norul 'Azmi (2017)¹⁹, Radin Salim & Idris Mansor (2021)²⁰ dan beberapa lagi pengkaji yang lain. Kajian-kajian ini menggambarkan bahawa maklumat tersurat daripada bahasa Arab mampu diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Selain itu, terdapat maklumat tersirat yang dikongsi dalam terjemahan, iaitu berkaitan dengan perasaan dan isi hati. Selaras dengan kenyataan Mohd. Zaki Abd. Rahman et al. (2019), bahawa asas kepada perasaan dan isi hati setiap bahasa dikongsi bersama. Dalam Ann Surina Sulaiman & Mohd. Zaki Abd. Rahman (2017)²¹, tugas pengkhususan dalam bahasa Arab telah diterjemahkan melalui penggunaan partikel 'lah'. Di samping itu, Abu Hassan Abdul et al. (2020)²² menyatakan bahawa unsur penegasan dan pengkhususan partikel 'lah' perlu diperhatikan dalam konsep *taukid*. Unsur penegasan atau pengkhususan ini jelas menunjukkan kemampuan bahasa Arab diterjemahkan dalam bentuk tersirat kepada bahasa Melayu. Namun demikian, maksud tersurat, iaitu implikatur kepada penggunaan unsur penegasan dan pengkhususan perlu juga difahami.

Kajian partikel 'lah' sebelum ini telah menemukan pelbagai interpretasi berkaitan penggunaannya. Antaranya termasuklah interpretasi yang melibatkan dimensi interpersonal, kognitif dan struktural (Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin, 2021)²³. Terdapat juga beberapa interpretasi daripada sarjana lain. Antaranya, Lee & Ahn (2020)²⁴ yang menyatakan bahawa partikel 'lah' merupakan salah satu kaedah untuk meluahkan perasaan dan fikiran serta mampu menentukan identiti seseorang pelajar. Selain itu, Goh (2016)²⁵ dan Lee & Ahn (2020) bersependapat bahawa penggunaan unsur ini menggambarkan situasi seseorang yang kurang cekap dalam berbahasa Inggeris. Hoogervorst (2018)²⁶ pula berpendapat bahawa unsur ini merupakan salah satu cara untuk mengelakkan salah faham. Beliau turut menyenaraikan beberapa interpretasi lain, iaitu menggambarkan perasaan tidak selesa, perasaan tidak puas hati, menggambarkan perasaan kesal, digunakan untuk sindiran, menggambarkan keramahan dan bertujuan untuk menghasilkan penegasan. Dalam Mohammad Fadzeli Jaafar (2016)²⁷, unsur ini dikatakan berkait dengan pengaruh kemelayuan dan merupakan gambaran sikap penutur terhadap topik yang dibincangkan. Menurut Zaamah Mohd Nor et al. (2015)²⁸, partikel 'lah' digunakan untuk menyatakan perselisihan, penolakan, perasaan tidak selesa, bertujuan untuk memujuk, mencadangkan dan menerima sesuatu maklumat. Akhir sekali, Gupta (1992)²⁹ yang merupakan antara sarjana awal dalam penyelidikan berkaitan partikel 'lah' menyatakan bahawa unsur ini digunakan untuk menegaskan, menarik perhatian, memberi arahan dan mewujudkan kesepakatan semasa interaksi.

Permasalahan Kajian

Kajian keunikan partikel 'lah' yang digunakan dalam terjemahan al-Quran mempunyai potensi untuk dikaji. Dalam Norul 'Azmi (2017) perbandingan terjemahan antara dua Kamus Arab Melayu telah menunjukkan bahawa terjemahan partikel dalam bahasa Arab kepada bahasa Melayu menghasilkan perkataan dalam kategori bukan partikel dalam bahasa Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa unsur partikel tidak semestinya diterjemah dalam bentuk unsur yang sama dalam bahasa sasaran. Berdasarkan Ann Surina Sulaiman & Mohd. Zaki Abd. Rahman (2017) pula, gaya bahasa pengkhususan (*al-qasr*) bahasa Arab yang dibina melalui pelbagai cara termasuklah menggunakan beberapa partikel Arab dapat diterjemah melalui penggunaan beberapa perkataan termasuklah partikel 'lah' dalam bahasa Melayu. Saranan Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017)³⁰ agar kajian kata serapan yang memberi kesan kepada peluasan makna juga perlu diberi penekanan dengan penelitian terhadap partikel 'lah' yang dilihat mewakili serapan makna pragmatik tertentu dalam bahasa sumber. Selain itu, Abu Hassan Abdul et al. (2020) turut menekankan konsep *taukid* bahasa Melayu yang bersifat nahuan memerlukan kepada analisis yang lebih luas dengan melibatkan unsur penegasan dan pengkhususan apabila menterjemah fungsi partikel 'lah'. Dalam Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin (2022)³¹, ilmu balaghah telah dijadikan asas kepada pemahaman penggunaan partikel 'lah' dalam ujaran bahasa Melayu. Berdasarkan kepada permasalahan ini, kajian bagi meneliti secara terperinci keunikan partikel 'lah' dalam terjemahan bahasa Melayu wajar dilakukan.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif, iaitu dengan membandingkan kekerapan penggunaan partikel 'lah' antara beberapa terjemahan dari penerbit yang berbeza serta menghuraikannya berdasarkan jumlah kekerapan dan berdasarkan implikatur ayat dalam bahasa sumber. Di samping

itu, kehadiran partikel ‘lah’ dihuraikan berdasarkan ilmu balaghah, iaitu melibatkan konteks ayat dalam bahasa sumber. Kajian ini juga melibatkan penggunaan enam naskah terjemahan al-Quran, satu terjemahan al-Quran digital dan dua naskah kecil terjemahan surah Yasin yang digunakan dalam majlis tahlil. Jumlah data teks terjemahan ini tidak ditentukan dari awal, sebaliknya berdasarkan kewujudan kategori yang dirasakan berpadu dengan skop kajian ini. Menurut Hennink et al. (2017)³², ketepatan kod dicapai apabila 9 data telah digunakan. Berikut merupakan jadual data teks terjemahan yang digunakan.

Jadual 1.

Jadual Data Teks Terjemahan yang Digunakan


Jenis	Judul
Terjemahan Al-Quran	<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010)</i> <i>Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007)</i> <i>Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021)</i> <i>Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)</i> <i>Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda (2016)</i> <i>Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012)</i> <i>Smart Quran</i>
Digital	<i>Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)</i>
Naskah Kecil Bagi Penggunaan Majlis Tahlil	<i>Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna</i>

Surah Yasin yang mengandungi 83 ayat digunakan sebagai data. Surah Yasin juga dipilih sebagai data kajian kerana kandungan ayatnya yang tidak terlalu panjang dan tidak terlalu pendek serta mencukupi untuk analisis ini. Tambahan pula, kajian lepas yang banyak membincangkan berkaitan surah Yasin membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berkaitan kajian dalam surah ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis kualitatif deskriptif. Analisis ini dilakukan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 22. Menurut Soratto et al. (2020)³³, perisian ATLAS.ti menawarkan cara yang terkini untuk meneroka data. Walau bagaimanapun, perisian ini tidak melakukan analisis data secara automatik sebaliknya perhubungan yang dibuat semasa proses analisis adalah berdasarkan keputusan penyelidik. Analisis ini membandingkan kekerapan penggunaan partikel ‘lah’ antara beberapa terjemahan dari penerbit yang berbeza bagi melihat pola penggunaannya. Akhir sekali, kehadiran partikel ‘lah’ dihuraikan berdasarkan implikatur dalam bahasa sumber, iaitu berpandukan ilmu balaghah. Penggunaan istilah implikatur merujuk kepada komunikasi implisit, iaitu bentuk logik yang baru atau andaian yang dikomunikasikan tetapi bukan secara eksplisit (Siti Hajar Abdul Aziz, 2010)³⁴.

Dapatan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa persamaan dan juga perbezaan berkaitan dengan penggunaan partikel ‘lah’ dalam terjemahan surah Yasin. Dua kumpulan dapat dibina berdasarkan persamaan ini, iaitu satu kumpulan terdiri daripada *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010)*, *Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007)*, *Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021)* dan akhir sekali *Smart Quran* (Kumpulan ini seterusnya akan dirujuk sebagai "V1"). Kumpulan dua pula terdiri

daripada *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid* (2017), *Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda* (2016), *Al-Quran Tajwid dan Terjemahan* (2012), *Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa* (2008), dan *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna* (Kumpulan ini seterusnya akan dirujuk "V2"). Berikut merupakan gambar rajah yang menunjukkan persamaan dan perbezaan kumpulan tersebut.




Gambarajah 1. Persamaan dan perbezaan penggunaan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin

Dalam V1, penggunaan partikel 'lah' dalam ayat 6, 18, 19, 24, 29, 46 dan 68 hanya berlaku khusus untuk kumpulan ini sahaja. Dalam "V2" pula, pengkhususan penggunaan partikel 'lah' berlaku pada ayat 38, 39, 40, 51, 63, 66 dan 67. Namun demikian, terdapat penggunaan partikel 'lah' yang menunjukkan persamaan sepenuhnya dalam kedua-dua versi, iaitu ayat 11, 13, 30, 21, 25, 26, 45, 47, 52, 79 dan 82. Terdapat juga penggunaan partikel 'lah' yang melibatkan satu atau dua perbezaan penggunaannya dala kedua-dua versi, iaitu pada ayat 12, 15, 17, 22, 59, 61, 64, 69, 76, 81 dan 83. Persamaan penggunaan partikel 'lah' yang paling kurang berlaku pada ayat 8, 53 dan 77. Akhir sekali, penggunaan partikel 'lah' yang dilihat tidak mewakili kumpulan masing-masing, sebaliknya hanya berlaku pada naskah tertentu berlaku pada ayat 33, 43, 48, 65, 70 dan 80, iaitu melibatkan *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid* (2017), *Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa* (2008), dan *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna*. Berikut merupakan paparan ATLAS.ti untuk terjemahan surah Yasin bagi ayat 38 dan 39 dalam V2.

Documents (2)		38		39		38		39	
1 Yasin	293	3	8	3	9	3	9	3	9
> 1:1 1...in Yasin-12% 3		وَالْقُرْآنِ	وَالْقُرْآنِ						
> 1:2 in Yasin...-24% 3		يَسْتَقْرَأُ	يَسْتَقْرَأُ						
> 1:3 in Yasin...-36% 9		تَجْرِي	تَجْرِي						
> 1:4 in Yasin...-48% 6		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:5 in Yasin...-59% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:6 7...n Yasin-71% 8		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:7 in Yasin...-83% 8		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:8 in Yasin...-95% 3		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:9 ...n Yasin-106% 2		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:10 ...n Yasin-117% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:11 in Yasin...128% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:12 in Yasin...139% 7		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:13 in Yasin...150% 4		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:14 ...n Yasin-161% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:15 in Yasin...172% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:16 in Yasin...183% 4		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:17 in Yasin...194% 1		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:18 205...n Yasin% 5		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:19 in Yasin...216% 5		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:20 227...n Yasin% 5		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:21 238...n Yasin% 1		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:22 249...n Yasin% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:23 260...n Yasin% 2		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:24 in Yasin...271% 9		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:25 282...n Yasin% 1		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						
> 1:26 293...n Yasin% 5		بِأَسْقَاتِهَا	بِأَسْقَاتِهَا						

Gambarajah 2. Paparan ATLAS.ti untuk terjemahan surah yasin bagi ayat 38 dan 39 dalam v2

Penggunaan partikel ‘lah’ dalam terjemahan surah Yasin seterusnya dilihat berdasarkan bentuk dan gaya bahasa yang digunakan daripada bahasa sumber. Berikut merupakan rajah penggunaan partikel ‘lah’ berdasarkan bentuk dan gaya bahasa al-Quran.



Gambarajah 3. Penggunaan partikel ‘lah’ berdasarkan bentuk dan gaya bahasa al-quran

Berdasarkan rajah 2, partikel ‘lah’ digunakan dalam kedua-dua bentuk ayat (*kalam*), iaitu bentuk *Khabari* dan bentuk *Insyai*. Dalam bentuk *khabari*, partikel ‘lah’ digunakan dalam lima gaya, iaitu *qasr hakiki*, *qasr idafi*, *ibtida'i*, *talabi* dan *ingkari*. Dalam bentuk *insya'i* pula, partikel ‘lah’ digunakan dalam tiga gaya, iaitu *amr lighorod*, *amr hakiki* dan *nida*. Berikut merupakan contoh ayat dalam terjemahan surah Yasin yang mewakili gaya yang dinyatakan.

Jadual 2.

Terjemahan Surah Yasin yang Mewakili Gaya Tertentu dalam Bahasa Sumber.

Ayat	Kalam	Gaya	Penerangan
<p>إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَأَنزَلْنَاهُمْ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ</p> <p>12. Sesungguhnya, <i>Kamilah</i> yang menghidupkan orang-orang yang mati, dan <i>Kamilah</i> yang mencatat apa yang telah mereka kerjakan dan kesan-kesan yang mereka (tinggalkan). Dan segala sesuatu Kami kumpulkan dalam kitab yang jelas (Luh Mahfuz)</p>	<i>Khabari</i>	<i>Ingkari (inna)</i> dan <i>(nahnu)</i> (Wan Rohani Wan Mokhtar, 2012)	Pola jamak sebagai takzim sifat Allah, meskipun Allah itu Esa. Mempertegas kepastian ganjaran bagi orang Mukmin serta hukuman bagi selain orang-orang Mukmin (Wahbah az-Zuhaili, 2013:31) ³⁵
<p>قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَنُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ</p> <p>15. Mereka (penduduk negeri) menjawab, “Kamu ini <i>hanyalah</i> manusia seperti kami, dan (Allah) Yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatu apa pun, kamu <i>hanyalah</i> pendusta belaka.</p>	<i>Khabari</i>	<i>Qasr hakiki (nafi)</i> dan <i>(institna)</i>	Menolak dan mengingkari (Az-Zuhaili, 2013:625). Mengakui kewujudan Allah tetapi mereka menafikan kerasulan disebabkan kedegilan (Wan Rohani Wan Mokhtar, 2012). Uslub ini digunakan untuk “ <i>ikhtisos</i> dan <i>takhsis</i> ”, iaitu menunjukkan keingkaran, ancaman, celaan dan ejekan kepada orang musyrik
<p>وَجَاءَ مِنْ أَقْصَى الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَا قَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ</p> <p>20. <i>Datanglah</i> dari hujung kota, seorang lelaki dengan bergegas dia berkata, “Wahai kaumku! <i>Ikutilah</i> utusan-utusan itu.</p>	<i>Khabari</i>	<i>Ibtida'i</i>	Mengkhabarkan bahawa datang seorang lelaki untuk memberi peringatan.

<p>وَنُفِّخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَى رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ</p> <p>51. Lalu <i>ditiuplah</i> sangkakala, maka seketika itu mereka keluar daripada kuburnya (dalam keadaan hidup), menuju kepada Tuhannya.</p>	Khabari	<p><i>Ibtida'i</i> (Wan Rohani Wan Mokhtar, 2012; Majdi Maazuz, 2004)³⁶</p>	<p>Memberikan peringatan Menerangkan keadaan (Wan Rohani Wan Mokhtar, 2012) Allah SWT menerangkan keadaan apabila berlaku tiupan sangkakala kedua (Az-Zuhaili, 2013:50)</p>
<p>قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۗ هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ</p> <p>52. Mereka berkata, “Celakalah kami! Siapakah yang membangkitkan kami daripada tempat tidur kami (kubur)?” <i>Inilah</i> yang dijanjikan (Allah) Yang Maha Pemurah dan benarlah rasul-rasul-Nya.</p>	Insya'i	Nida	<p><i>Uslub Nida</i> dan <i>munada</i> “ويلنا” menunjukkan penyesalan orang musyrik.</p>
<p>وَامْتَأْذُوا بِالنَّارِ الْيَوْمَ أَيُّهَا الْمَجْرَمُونَ</p> <p>59. Dan (dikatakan kepada orang-orang kafir), “<i>Berpisahlah</i> kamu (daripada orang-orang mukmin) pada hari ini, wahai orang-orang yang berdosa!</p>	Insyai	<p><i>Amr lighorod balaghi</i> (Maulana, 2019)</p>	<p>Ayat perintah bertujuan untuk mencela, mengancam, menghina dan mengejek orang musyrik.</p>
<p>وَأَنْ اَعْبُدُونِي ۗ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ</p> <p>61. Dan <i>hendaklah</i> kamu menyembahKu. <i>Inilah</i> jalan yang lurus.</p>	Insyai	<p><i>Amr hakiki</i> (Maulana, 2019; Tika Fauziah, 2020)</p>	<p>Perintah beribadat kepada Allah.</p>
<p>هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ</p> <p>63. <i>Inilah</i> Neraka Jahanam yang dahulu telah diperingatkan kepadamu.</p>	Khabari	<p><i>Ibtida'i</i> (Mulyawan, 2011; Wan Rohani Wan Mokhtar, 2012)</p>	<p>Ayat ini mengkhabarkan bahawa inilah neraka jahannam. Kecaman dan cercaan Allah terhadap orang kafir (Wahbah az-Zuhaili, 2013:57)</p>
<p>وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَى أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّى يُبْصِرُونَ</p> <p>66. Dan jika Kami mahu, <i>pastilah</i> Kami hapuskan penglihatan mata mereka; sehingga mereka berlumba-lumba (mencari) jalan. Maka</p>	Khabari	<p><i>Talabi</i> (Wan Rohani Wan Mokhtar, 2012)</p>	<p>Ayat ini mengkhabarkan bahawa jika Allah mahu, Allah akan hapuskan penglihatan mereka. Ayat ini menggunakan satu partikel penegasan, iaitu lam jawab syarat,</p>

bagaimana mungkin mereka dapat melihat?

oleh itu jenis uslubnya adalah *khavar talabi*. Allah SWT menjelaskan beberapa manifestasi kuasa-Nya atas mereka; seperti menghilangkan penglihatan, mengubah wujud, dan mencabut kemampuan mereka bergerak (Az-Zuhaili, 2013:58)

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ

69. Dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya (Muhammad) kerana bersyair itu *tidaklah* layak baginya. Al-Quran itu tidak lain *hanyalah* pengajaran dan kitab yang jelas,

Khabari Qasr idafi (nafi) dan (institna) (إن...إلا)

Uslub ini digunakan untuk “*ikhtisos* dan *takhsis*”, iaitu menunjukkan Al-Quran hanyalah peringatan dan pengajaran. Ayat ini menegaskan bahwa Al-Qur'an bukanlah syair dan Nabi Muhammad saw. bukanlah seorang penyair (Az-Zuhaili, 2013:63)

Bentuk dan gaya ayat ini pula mempunyai implikturnya, iaitu nasihat, melemahkan, penghormatan, menunjukkan keingkaran, menerangkan keadaan, peringatan, mengkhususkan, pengakuan, mempertegas, mengkhabarkan, menunjukkan kekuasaan Allah SWT, mencela/ mengancam/ menghina/ mengejek, dan akhir sekali penyesalan (Azman Che Mat, 2018). Terdapat dua ayat yang berkongsi bentuk dan gaya bahasa, iaitu ayat 52 dan 61. Dapatan ini menunjukkan partikel ‘lah’ digunakan dalam pelbagai bentuk dan gaya bahasa dalam al-Quran. Perbincangan berkaitan dapatan dalam bahagian ini akan dihuraikan pada bahagian seterusnya.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan dalam rajah 1, dapat diperhatikan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan penggunaan partikel ‘lah’ dalam ayat bagi terjemahan surah Yasin. Penggunaannya pada ayat tertentu dapat menjadi penanda kepada identiti versi terjemahan al-Quran. Dalam kajian sebelum ini, fungsi partikel ‘lah’ sebagai simbol identiti masyarakat ada dinyatakan dalam Mohammad Fadzeli Jaafar (2015), namun kebanyakan kajian melibatkan fungsi *code-switching*, iaitu melibatkan penerapan budaya melalui penggunaan unsur tertentu bahasa penutur (lah) dalam bahasa asing. Dalam kajian ini pula, keseluruhan bahasa asing (bahasa Arab) diterjemahkan kepada bahasa penutur (bahasa Melayu). Penggunaannya pada ayat tertentu dalam terjemahan surah Yasin dapat dibezakan dengan lebih khusus. Penggunaan partikel 'lah' dilihat bukan sahaja


melambangkan simbol identiti masyarakat secara umum, malah dapat dijadikan penanda bagi mengenal pasti versi terjemahan al-Quran. Hal ini kerana, teks terjemahan al-Quran di Malaysia kebanyakannya telah dialih bahasa dan dibuat semakan daripada terjemahan sedia ada dalam bahasa Indonesia (Idris Mansor, 2019:76). Perkara ini memungkinan berlaku beberapa versi terjemahan teks al-Quran. Walaupun partikel ‘lah’ turut digunakan dalam masyarakat Indonesia (Aloojaha et al., 2018; Djenar & Ewing, 2015),^{37,38} penggunaannya dalam terjemahan al-Quran masih berbeza berdasarkan kekerapan.

Dalam kajian ini, terjemahan versi V1 adalah berdasarkan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010)*. Hal ini kerana hasil terjemahan ini telah dianggap sebagai teks terjemahan rasmi Malaysia (Idris Mansor, 2019:75). Dalam V1, tiga naskah terjemahan al-Quran dilihat mempunyai persamaan penggunaan partikel ‘lah’ dengan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, iaitu *Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007)*, *Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021)* dan akhir sekali *Smart Quran*. Terjemahan versi V2 pula berdasarkan penggunaan partikel ‘lah’ yang berbeza dengan V1. Dalam V2, lima terjemahan surah Yasin menunjukkan persamaan penggunaan partikel ‘lah’, iaitu *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)*, *Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda (2016)*, *Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012)*, *Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)*, dan *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna*. Berdasarkan dapatan kajian juga, dapat diperhatikan bahawa naskah *Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)*, *naskah Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)* dan naskah *Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna* mempunyai penggunaan partikel ‘lah’ yang berkecuali daripada versi V2 yang lain, iaitu pada ayat 33, 43, 48, 65, 70 dan 80. Dapatan ini juga menunjukkan terjemahan surah Yasin dalam naskah kecil yang digunakan dalam majlis-majlis tahlil mempunyai kekerapan yang paling tinggi penggunaan partikel ‘lah’ berbanding terjemahan versi V2 yang lain.

Partikel ‘lah’ juga digunakan dalam kedua-dua bentuk ayat, iaitu *khabari* dan *insya’i*. Kedua-dua bentuk ayat ini menghasilkan pelbagai gaya bahasa. Dalam kajian ini, perbincangan hanya melibatkan bentuk *khabari*, iaitu gaya *talabi* dan *ingkari* yang melibatkan implikatur penegasan. Penggunaan partikel ‘lah’ dalam kedua-dua gaya ini bersesuaian dengan implikatur penegasannya, iaitu seseorang penutur yang berhadapan dengan pendengar ragu-ragu dan pendengar yang membantah terhadap maklumat yang disampaikan oleh penutur (Che Mat, 2018:97). Hal ini juga selaras dengan fungsi partikel ‘lah’ yang digunakan untuk mendapatkan penerimaan daripada pihak pendengar atau memujuk pihak pendengar agar menerima perkara yang disampaikan oleh penutur (Wong, 2004)³⁹.

Dalam penerangan ini, dapat diperhatikan bahawa implikatur penegasan berdasarkan ilmu balaghah mempunyai dua peringkat penegasan dan melibatkan pihak pendengar, iaitu merujuk kepada pendengar ragu-ragu dan pendengar yang membantah. Dalam kajian partikel ‘lah’ sedia ada pula, penegasannya melibatkan satu peringkat sahaja dan berada pada pihak penutur, iaitu usaha penutur untuk mendapatkan penerimaan pendengar. Walaupun terdapat perbezaan dalam huraian berkaitan implikatur penegasan, namun kehadiran partikel ‘lah’ dalam kedua-dua gaya bahasa ini bersesuaian dengan fungsi asalnya. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa isi hati dan perasaan yang diluahkan mempunyai asas yang sama walaupun berbeza bahasa (Mohd. Zaki Abd. Rahman et al., 2019). Ketiadaan partikel yang sama makna dengan partikel ‘lah’ dalam bahasa Arab tidak semestinya melambangkan makna dan fungsinya tidak hadir dalam bahasa berkenaan. Sebaliknya, makna berkenaan disampaikan dengan cara yang berlainan, iaitu dalam bentuk gaya

bahasa. Berikut merupakan gambar rajah keselarasan implikatur berdasarkan ilmu balaghah dengan literatur berkaitan partikel 'lah'.



Gambarajah 4. keselarasan implikatur berdasarkan ilmu balaghah dengan literatur berkaitan partikel 'lah'

Keseluruhan dapatan juga menunjukkan bahawa makna partikel 'lah' tidak dominan dalam teks terjemahan surah Yasin. Hal ini kerana penggunaan partikel 'lah' dalam terjemahan tidak secara keseluruhan menunjukkan penggunaan biasa masyarakat Malaysia. Selain itu, maknanya tidak sepenuhnya berkaitan dengan budaya melayu, iaitu interpretasi yang merujuk kepada kesantunan dan hubungan jarak sosial antara penutur dan pendengar. Di samping itu, partikel 'lah' tidak menjadikan teks terjemahan tersebut tidak formal. namun demikian, literatur yang berkaitan partikel 'lah' menunjukkan bahawa makna partikel 'lah' menjadi dominan iaitu mengubah pertuturan bahasa Inggeris menjadi bersifat kemelayuan atau menjadi tidak formal (Djenar & Ewing, 2015).

Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa keunikan penggunaan partikel ‘lah’ dalam terjemahan surah Yasin, iaitu sebagai pembeza kepada versi terjemahan dan juga kesesuaiannya dengan implikatur penegasan berdasarkan bahasa sumber. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat persamaan perasaan hati dalam diri manusia walaupun berbeza bahasa. Namun demikian, cara penyampaian perasaan hati berkenaan berbeza berdasarkan bahasa berkenaan. Hal ini dapat diperhatikan melalui keselarasan implikatur daripada bahasa sumber dan interpretasi partikel 'lah' daripada kajian lepas. Selain itu, partikel ‘lah’ yang membawa makna kesantunan tidak ditemukan dalam keseluruhan dapatan kajian ini. Hal ini menunjukkan bahawa asimilasi budaya bahasa sasaran ke dalam bahasa sumber tidak berlaku dalam proses terjemahan, sebaliknya budaya bahasa sumber cuba disampaikan dan beberapa makna baharu daripada bahasa sumber diserap melalui terjemahan menggunakan partikel ‘lah’.

References:

1. Idris Mansor. (2019). Terjemahan Al-Quran dalam Bahasa Melayu. Dalam Idris Mansor (Ed.), *Isu Isu Dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Prentice Hall.
3. Vinay, J.-P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English* (Vol. 11). John Benjamins Publishing Company. <https://doi.org/10.1075/btl.11>
4. Idris Mansor. (2021). Explication in the Intercultural Communication of Technical Culture in Arabic-Malay Translation of Rihlat Ibn Battuta. *Journal of Intercultural Communication Research*, 50(6), 556–570. <https://doi.org/10.1080/17475759.2021.1884891>
5. Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). Gaya Peralihan Kod dalam Kesusasteraan Multilingual di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(3), 49–57. <https://doi.org/10.17576/iman-2015-0303-05>
6. Aghajani, M., & Jalali, G. S. (2019). A Comparative Study of Three English Translations of Yasin Surah Regarding Vinay and Darbelnet Strategies. *International Journal of English Language Teaching*, 6(1), 36-46. <https://doi.org/10.5430/ijelt.v6n1p36>
7. Mulyawan, S. (2011). Studi Ilmu Ma’Ani (Stilistik) terhadap Ayat-Ayat Surat Yasin. *Holistik*, 12. <https://doi.org/10.24235/holistik.v12i2.96>
8. Sidek, H. M., Saleh, M. H., & Husin, H. (2020). Thematic-Based Text Structure Analysis as A Function of Text Memorization: Surah Yasin. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(3), 2405–2425.
9. Mohd. Zaki Abd. Rahman, Mohamad Hussin, & Che Radiah Mezah. (2019). *Pengantar Balaghah Bahasa Melayu berpandukan Balaghah Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
10. Maulana, D. (2019). Analisis Kalimat Perintah (Amr) Pada Surah Yasin dalam Terjemahan Al-Qur’an Bacaan Mulia Hbj. *ALSUNIYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, 2(1), 1–14. <https://doi.org/10.17509/alsuniyat.v2i1.24348>
11. Tika Fauziah. (2020). Kalam Insya’i Thalabi dalam Surah Yasin (Studi Analisis Tafsir al-Kasyaf Karya az-Zamakhsyari (w.538 H)) [Tesis Sarjana, Institut Ilmu Al-Quran, Jakarta.]. <http://repository.iiq.ac.id/handle/123456789/1060>
12. Wan Rohani Wan Mokhtar. (2012). *Penggunaan Uslub Khabari dalam Al-Quran: Kajian Terhadap Surah Yasin* [Tesis Sarjana, University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.]. <http://studentsrepo.um.edu.my/5149/>
13. Nasimah Abdullah, Lubna Abd. rahman, Norfazila Ab. Hamid, & Murni Syakirah Musa. (2017). Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap Kata Panggilan Kekeluargaan. *E- Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4(1), 160–172. <https://www.researchgate.net/publication/321747978>
14. Al-Farisi, M. Z. (2015). Aspek Relevansi dalam Terjemahan Tindak-Tutur Kinâyah Al-Qur’an. *Karsa: Jurnal Sosial Dan Budaya Keislaman*, 21(2), 161. <https://doi.org/10.19105/karsa.v21i2.515>
15. Azman Che Mat. (2014). Kata Sendi Nama Bahasa Arab Terjemahannya ke dalam Bahasa Melayu. *Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
16. Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-Ma’ani dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. Azman Che Mat, Azani Ismail Yaakub, & Norasmazura Muhammad. (2019). Leksikal Qāla [قال] dalam Dialog Naratif al-Quran: Penelitian Makna Komunikatif Terjemahan

- Melayu. *Kemanusiaan the Asian Journal of Humanities*, 26(1), 51–87.
<https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.1.3>
18. Baharudin, H. (2017). Strategi dan Teknik Terjemahan Novel Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti (Arabic Novel Translation Strategies and Techniques used among University Students). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 225–243.
<https://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-15>
 19. Norul ‘Azmi, N. A. (2017). Analisis Perbandingan Terjemahan Kata Partikel Arab Melayu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 68–80.
<https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.19>
 20. Radin Salim, N., & Mansor, I. (2021). Penguasaan Kecekapan Budaya dalam Terjemahan Arab–Melayu (Mastery of Cultural Competence in Arabic-Malaytranslation). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 111–134. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-06>
 21. Ann Surina Sulaiman, & Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2017). Analisis Penggunaan Pengkhususan dalam Bahasa Melayu Mengikut Perspektif Gaya Bahasa Arab. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(1), 1–15.
 22. Abu Hassan Abdul, Wahibah Twahir, & Muhammad Hakim Kamal. (2020). Retorik Mubalaghah dalam Taukid Kiasan Bahasa Melayu. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*, 5(November), 69–82.
<http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID019.pdf>
 23. Mohd Sufian Ismail, & Anida Sarudin. (2021). Interpretasi Partikel Wacana Lah dalam Wawancara Politik. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (Rentas 2021)*, 1(8), 79–91. <https://rentas2021.wixsite.com/home/prosiding>
 24. Lee, E. S. Y., & Ahn, H. (2020). Overseas Singaporean Attitudes Towards Singlish. *Asian Englishes*, 00(00), 1–16. <https://doi.org/10.1080/13488678.2020.1795783>
 25. Goh, R. B. H. (2016). The Anatomy of Singlish: Globalisation, Multiculturalism and The Construction of The ‘Local’ In Singapore. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 37(8), 748–758. <https://doi.org/10.1080/01434632.2015.1133628>
 26. Hoogervorst, T. G. (2018). Utterance-Final Particles in Klang Valley Malay. *Wacana*, 19(2), 291–326. <https://doi.org/10.17510/wacana.v19i2.704>
 27. Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Simbol Peralihan Kod dalam Fiksyen: Kes Penanda Wacana Bahasa Melayu -lah, what dan ah. Dalam Mohammad Fadzeli Jaafar & Intan Safinaz Zainudin (Eds.), *Linguistik Terapan dalam Penyelidikan Bahasa* (pp. 108–125). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 28. Zaamah Mohd Nor, Norazrin Zamri, & Su’ad Awab. (2015). Lexical Features of Malaysian English in a Local English-Language Movie, Ah Lok Café. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 208 (Icllic 2014), 282–299.
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.204>
 29. Gupta, A. F. (1992). The Pragmatic Particles of Singapore Colloquial English. *Journal of Pragmatics*, 18(1), 31–57. [https://doi.org/10.1016/0378-2166\(92\)90106-L](https://doi.org/10.1016/0378-2166(92)90106-L)
 30. Anida Sarudin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab- Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 31. Mohd Sufian Ismail, & Anida Sarudin. (2022). Interpretasi partikel wacana ‘Lah’ berdasarkan ilmu Balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865–878. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>
 32. Hennink, M. M., Kaiser, B. N., & Marconi, V. C. (2017). Code Saturation Versus Meaning Saturation. *Qualitative Health Research*, 27(4), 591–608.
<https://doi.org/10.1177/1049732316665344>.

33. Soratto, J., Pires, D. E. P. de, & Friese, S. (2020). Thematic Content Analysis Using ATLAS.ti Software: Potentialities for Researchs in Health. *Revista Brasileira de Enfermagem*, 73(3), e20190250. <https://doi.org/10.1590/0034-7167-2019-0250>
34. Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
35. Wahbah Az-Zuhaili. (2013). *Tafsir Al-Munir: Aqidah, Syariah, Manhaj - Jilid 12* (Abdul Hayyie al Kattani, Achmad Yazid Lchsan, & Muhammad Badri H, Eds.). Jakarta: Gema Insani.
36. Majdi Maazuz. (2004). *Surat Al-Isra Dirasat Nahwiat Dalalia*. [Tesis Sarjana, University of Jordan, Jordan]. <https://ia800303.us.archive.org/14/items/lis-group181/lis02023.pdf>
37. Alooja, A., Nababan, M. R., & Djatmika, D. (2018). The Impact of Translation Techniques on Shifting Meaning of Ordering Speech Act. *Lingua Cultura*, 12(3), 279. <https://doi.org/10.21512/lc.v12i3.4301>
38. Djenar, D. N., & Ewing, M. C. (2015). Language Varieties and Youthful Involvement in Indonesian Fiction. *Language and Literature: International Journal of Stylistics*, 24(2), 108–128. <https://doi.org/10.1177/0963947015573387>
39. Wong, J. (2004). The Particles of Singapore English: A Semantic and Cultural Interpretation. *Journal of Pragmatics*, 36(4), 739–793. [https://doi.org/10.1016/S03782166\(03\)000705](https://doi.org/10.1016/S03782166(03)000705)